

Agong zahir harapan PRU-15 dalam tempoh terdekat



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH

- Oleh NORLIZAH ABAS
- 18 Oktober 2022, 12:41 pm

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan, isu-isu berkaitan banjir yang dibangkitkan oleh penyandang kerusi Parlimen Klang, Charles Santiago berhubung pembubaran Parlimen, tidak relevan dengan kuasa prerogatif [Yang di-Pertuan Agong](#) (YDPA).

Perdana Menteri berkata, selain itu perkara-perkara berkaitan parti politik lain yang tidak bersetuju dengan pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) diadakan tahun ini, juga tidak relevan dengan kuasa YDPA di bawah Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan.

Ujar beliau, YDPA menjalankan kuasa prerogatif secara bijaksana ketika menzahirkan harapan bahawa PRU-15 perlu diadakan dalam tempoh terdekat sebelum Monsun Timur Laut yang diramal bermula pada pertengahan November ini.

"Ini menunjukkan sifat keprihatinan dan cakna YDPA dalam mengambil kira faktor kebajikan rakyat walaupun ia bukan satu keperluan di bawah Perkara 55(2) dan Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan," ujar beliau.

Ismail Sabri menyatakan demikian dalam affidavit sokongan yang diikrarkan semalam dalam permohonan bagi membatalkan saman pemula yang dikemukakan oleh Charles berhubung pembubaran Parlimen.

Selain Perdana Menteri, pemohon-pemohon terdiri daripada Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ketiga-tiganya dinamakan sebagai defendan pertama, kedua dan ketiga dalam saman pemula itu.

Selain itu, mereka turut mahukan prosiding saman pemula itu digantung sehingga permohonan mereka untuk membatalkannya diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.